

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA (SIPITANG)**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama pertahanan dengan negara-negara jiran yang bersempadan dengan perairan Sabah seperti Filipina dan Indonesia, bagi menangani isu jenayah rentas sempadan, penculikan dan memperdagangkan manusia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memperkukuh jaringan kerjasama pertahanan dengan negara Filipina dan Indonesia di perairan Sabah, *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) yang merupakan platform kerjasama tiga hala telah dibentuk secara bersama antara Malaysia, Indonesia dan Filipina. Kerjasama tiga hala ini merupakan pendekatan secara kolektif yang dibentuk bagi membendung ancaman jenayah rentas sempadan, penculikan dan perdagangan manusia di kawasan perairan ketiga-tiga negara. Melihat kepada perkembangan semasa situasi keselamatan di rantau ini, kerjasama ini juga merupakan platform terbaik bagi mempertingkatkan tahap kerjasama ketiga-tiga negara dalam berhadapan dengan ancaman keganasan yang kian menular di rantau ini.

Salah satu inisiatif utama yang telah dipersetujui di bawah platform TCA ini ialah pelaksanaan *Trilateral Maritime Patrol* (TMP). Inisiatif rondaan maritim ini telah diperkasakan dengan kerjasama yang erat dalam aspek rondaan serta pertemuan di laut bagi perkongsian maklumat dalam menangani ancaman di Laut Sulu. Di samping itu, bagi mempertingkatkan kawalan maritim di Laut Sulu, Malaysia, Indonesia dan Filipina turut melaksanakan *Trilateral Air Patrol* (TAP) secara berkala yang dilaksanakan secara bersama melibatkan ketiga-tiga negara.

Di samping itu, ketiga-tiga negara akan terus meningkatkan jalinan komunikasi serta perkongsian dan pertukaran data dan maklumat perisikan antara agensi perisikan ketiga-tiga negara dalam usaha menangani ancaman keganasan dan penculikan di Laut Sulu. Inisiatif ini akan dapat memastikan ketiga-tiga negara dapat bertindak dengan lebih responsif dan pantas.

Selain daripada elemen operasi yang terkandung dalam inisiatif ini, ketiga-tiga negara turut bersetuju untuk melaksanakan eksekusi bersama yang bertujuan untuk mempertingkatkan *tactical interoperability* serta memperlihatkan kehadiran aset angkatan tentera ketiga-tiga negara di kawasan tersebut.

Walaupun tiada jaminan bahawa ancaman seperti isu jenayah rentas sempadan, penculikan dan perdagangan manusia di Laut Sulu dapat dihapuskan sama sekali, namun kesungguhan yang dipamerkan oleh Malaysia, Indonesia dan Filipina dalam merealisasikan kerjasama tiga hala ini menonjolkan komitmen tinggi ASEAN dalam menangani ancaman keganasan di rantau ini. Ini kerana adalah mustahil untuk sesebuah negara bekerja secara bersendirian dalam membanteras aktiviti tersebut, dan sebaliknya ia harus dilakukan secara bersama dengan melibatkan aset ketenteraan, strategi yang kukuh, serta daya kepercayaan yang tinggi.

Terima kasih.